

**TEKS UCAPAN**

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA  
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS KONVOKESYEN KALI KE-12  
KOLEJ ISLAM TEKNOLOGI ANTARABANGSA (KITAB)  
PULAU PINANG**

**&**

**MAJLIS PELANCARAN WAKAF PENGAJIAN TINGGI KITAB  
PADA 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SESI RAKAMAN PADA :  
26 OKTOBER 2021 (SELASA) JAM 9:30 PAGI**

*Bismillahirrahmanirrahim*

**Yang Berhormat Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin bin Hj. Abd. Rahman**

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap

Yang di Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

**Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor**

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap

Pengerusi Lembaga Pengelola Kolej Islam Teknologi Antarabangsa  
(KITAB) Pulau Pinang Sdn. Bhd.

**Yang Berbahagia Dr. Roslan bin Ahmad**

Timbalan Yang di Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

merangkap

Pengerusi Lembaga KITAB Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah KITAB Pulau Pinang

Ahli-Ahli Lembaga Pengelola KITAB

Ahli-Ahli Pengurusan dan Warga Kerja KITAB

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan

Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Profesor-Profesor, Para waris graduan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Para graduan, hadirin dan hadirat sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.
  
2. Terlebih dahulu kita panjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana atas limpah kurnia-Nya, pada hari ini kita dapat bersama-sama dalam Majlis Konvokesyen Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang Kali ke-12 dan Majlis Pelancaran Wakaf Pengajian Tinggi KITAB.
  
3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada KITAB atas satu (1) lagi kejayaan, melahirkan para graduan yang bakal menempuh sesi pencarian ilmu ke peringkat yang lebih tinggi, atau menceburi dunia pekerjaan.
  
4. Tahniah juga diucapkan kepada graduan-graduan KITAB yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan pada hari ini, ditauliahkan sebagai graduan.

5. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para ibu bapa graduan kerana daya usaha, sokongan dan dorongan selama ini kepada anak-anak tuan-tuan dan puan-puan, mereka telah mencapai kejayaan cemerlang. Pada hari ini, tuan-tuan dan puan-puan dapat berkongsi bersama kejayaan ini. Kejayaan graduan, adalah kejayaan tuan-tuan dan puan-puan juga.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

6. Sejarah Pendidikan Islam telah lama bertapak di Negeri Pulau Pinang. Pendidikan Asas Islam digerakkan oleh guru agama melalui pengajian al-Quran dan Ilmu Fardu 'Ain yang dijalankan melalui inisiatif secara persendirian di rumah guru atau imam, yang kemudian berpindah ke surau dan masjid. Tempat ibadat masyarakat Islam yang pertama bertapak di Batu Uban dalam bentuk surau sekitar Tahun 1734 Masihi merupakan satu (1) kesimpulan bahawa surau yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah masjid itu merupakan institusi pendidikan tradisional tidak formal yang pertama wujud di Pulau Pinang.

7. Bermula abad ke-19, wujud sistem pendidikan Islam melalui pondok-pondok, terutama di Seberang Perai. Antaranya Pondok Sungai Derhaka yang ditubuhkan pada sekitar tahun 1880, Pondok Bukit Indera Muda pada tahun 1891 dan Pondok Permatang Janggus pada tahun 1895. Beralih ke awal abad ke-20, Pondok Masriyah pada tahun 1906, Pondok Kubang Semang pada tahun 1920 dan Daeratul Ma'arifil Watoniah pada tahun 1927.

8. Di sebelah pulau, Madrasah al-Mashoor ditubuhkan pada tahun 1916 dan dikenali sebagai Madrasah al-Quran di Kampung Tuan Guru, sebuah perkampungan orang Islam keturunan Arab-Aceh yang terletak dalam kawasan bersempadankan Lebuh Armenia, Lebuh Cannon dan Lebuh Aceh, di pusat Bandar Raya George Town hari ini. Ia kemudian berpindah ke Tek Soon Street pada tahun 1919. Madrasah Al-Mashoor yang diasaskan oleh Syed Syeikh Al-Hady yang merupakan seorang tokoh pembaharuan dalam pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang ini mula terkenal di Utara Semenanjung dan pelajarinya bukan sahaja dari Negeri Pulau Pinang tetapi juga dari Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Selatan Thailand dan Utara Sumatera.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

9. Legasi tarbiah secara formal diteruskan dengan terdirinya Maahad Tahfiz Al-Quran oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), dengan Program Diploma Tahfiz dari Darul Quran JAKIM. Pada hemat saya, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang atau KITAB ini adalah kesinambungan kepada legasi pendidikan Islam yang disebut tadi, menjadi satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Islam di Negeri Pulau Pinang.

10. Sebagai seorang yang datang dari keluarga yang terlibat secara langsung dalam Pendidikan berasaskan Islam, saya berasa amat dekat dan berminat untuk melihat perkembangan KITAB yang sedang mengorak langkah bagi mencapai kecemerlangan daripada sudut keilmuan dan kemajuan infrastrukturnya mengikut keperluan semasa.

11. Institusi Pengajian Tinggi Islam mempunyai peranan yang besar dalam dunia global semasa untuk membentuk modal insan yang bermutu, bertanggungjawab dan yang memiliki integriti, sebagai generasi pemikir yang mencetuskan idea-idea bernas dan bermanfaat.

12. Rekod dan testimoni sejarah menyaksikan IPT Islam mampu membekalkan sarjana dan tenaga kerja yang dapat memenuhi kehendak masyarakat dan negara. Konsep integrasi atau kesepaduan bukanlah sesuatu yang baru dan pentafsirannya adalah pelbagai yang memberi faedah dalam pembentukan Tamadun.

13. Dengan adanya konsep integrasi ilmu ini antara duniawi dan ukhrawi yang dilaksanakan di KITAB, amatlah bersesuaian dengan hala tuju wawasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam **“Penang 2030”** (Pulau Pinang 2030), iaitu **“A Family – Focused Green and Smart State”** (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga) yang juga merupakan satu (1) wawasan berpaksikan kepada kemajuan ilmu rakyat.

14. Oleh itu bagi mengembangkan ilmu melalui KITAB ini, saya telah dijelaskan berkaitan dengan perkembangan KITAB yang mengorak langkah kepada pemerkasaan lima (5) bidang utama iaitu Bidang Pengajian Islam, Bidang Pembangunan Keluarga dan Komuniti, Bidang Pengurusan Halal, Bidang Pengurusan dan Keusahawanan serta Bidang Teknologi Maklumat.

15. Melalui pemeraksanaan lima (5) bidang utama ini, maka amat bertepatanlah dengan moto KITAB iaitu **“Memacu Legasi Tarbiah Ke Arah Melahirkan Ulul Albab”** yang akan mencapai tujuannya bagi melahirkan para profesional, teknokrat, usahawan dan tokoh ilmuan serta **thinkers** atau ulul albab di Malaysia ini umumnya, dan di Pulau Pinang khususnya.

16. Sebagai umat Islam, kita mestilah mempunyai perasaan merasa terpanggil untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan yang berasaskan Islam. Oleh itu, hala tuju KITAB untuk menjadi sebuah Universiti Islam yang berasaskan wakaf menjelang tahun 2030, wajar mendapat sokongan seluruh umat Islam khususnya umat Islam di Pulau Pinang.

17. Peranan dan sokongan padu MAINPP serta gandingan kerjasama agensi-agensinya, iaitu Zakat Pulau Pinang dan Wakaf Pulau Pinang, amatlah penting dalam merealisasikan impian kita semua untuk memiliki sebuah Universiti Islam milik kita bersama. Insya'Allah dengan doa dan sokongan semua, ia akan menjadi kenyataan. Saya secara peribadi amat menyokong penuh usaha dan hala tuju murni KITAB ini.



Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

18. Sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada KITAB atas semua kejayaan yang dicapai selama ini. Kepada para graduan, perjalanan saudara saudari masih jauh. Gunakanlah sepenuhnya ilmu yang digarap semasa di KITAB ini untuk menyumbang bakti kepada Agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*